

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 19.11.2015 (KHAMIS)

SOALAN :

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

(a) berapa ramai pegawai Kerajaan yang telah didakwa kerana mempunyai taraf hidup yang tidak melambangkan pendapatan sebenar mereka, dan

(b) kaedah pemantauan bulanan atau tahunan oleh SPRM terhadap pengisytiharan harta yang tidak tepat daripada pegawai-pegawai pentadbiran dan agensi-agensi penguatkuasa.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tan Sri Yang di-Pertua,

Tiada undang-undang atau peruntukan khusus yang membolehkan pendakwaan terhadap seseorang penjawat awam dibuat semata-mata berdasarkan taraf gaya hidup seseorang melebihi pendapatan.

Seksyen 36 Akta SPRM 2009 memperuntukkan SPRM hanya boleh mengkehendaki seseorang penjawat awam memberikan pernyataan bertulis dengan sumpah atau berikrar mengenai harta-harta yang dimiliki olehnya **atau yang mengenainya dia mempunyai apa-apa kepentingan apabila seorang Pegawai Suruhanjaya berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai berdasarkan penyiasatan yang dijalankan** oleh seorang pegawai suruhanjaya, bahawa apa-apa harta yang dipegang atau diperolehi oleh mana-mana orang hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

(b) SPRM tidak membuat sebarang pemantauan secara bulanan atau tahunan terhadap pengisytiharan harta oleh mana-mana penjawat awam. Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2002 telah menjelaskan bahawa setiap Penjawat Awam dikehendaki mengisytiharkan harta sama ada harta alih ataupun harta tak alih kepada Ketua Jabatan masing-masing berdasarkan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Peraturan ini menghendaki semua pegawai mengisytiharkan secara

bertulis kepada Ketua Jabatan masing-masing segala harta yang dimiliki olehnya atau isteri atau suami atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya

Semua pegawai dikehendaki mengisytiharkan harta apabila:

- (i) dilantik ke dalam perkhidmatan awam
- (ii) dikehendaki oleh Kerajaan;
- (iii) memperolehi harta tambahan; dan
- (iv) melupuskan harta

Semua pegawai dikehendaki membuat perisytiharan harta sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun. Bagi maksud Pekeliling ini, 'tempoh perisytiharan' harta dikira berdasarkan tarikh terakhir perisytiharan harta dibuat.

Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 mengenai Penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) iaitu Terma Rujukan ke tiga (3) adalah mengenai "Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan". Dalam hal ini Ketua Jabatan melalui terma rujukan ini boleh melaksanakan tindakan pengesanan terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan yang disyaki melanggar peraturan sedia ada berhubung pengisytiharan harta ini. Perkara ini boleh dilaporkan dalam Mesyuarat JITU peringkat jabatan (4 bulan sekali) dan seterusnya boleh diangkat ke peringkat Kementerian. Arahan ini juga menetapkan supaya Ketua Jabatan mengambil tindakan pencegahan dan pembetulan dengan segera terhadap pegawai atau kakitangan yang terlibat. Arahan ini juga menetapkan sebarang bentuk kesalahan atau salah laku jenayah Ketua Jabatan hendaklah

dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan. Oleh itu sekiranya pengisytiharan harta yang tidak tepat daripada pegawai-pegawai didapati mempunyai kaitan dengan lain-lain kesalahan atau salah laku jenayah maka perlu dilaporkan.

Sekian, terima kasih.